

Mengedit dan memurnikan teks dari aspek penggunaan kata.

bunga

nyaman

jernih

rapi

keindahannya

pengunjung

buang

bangga

Gembira di Tasik Biru, Sarawak

Pada cuti persekolahan yang lalu, Elis dan keluarganya berkunjung ke Tasik Biru, Sarawak. Mereka melihat ramai tetamu bersenam dan berjoging di sekeliling taman.

Taman tasik ini sungguh indah dan bersih kerana dijaga dengan ketatnya. Orang ramai tidak memetik pokok dan memijak rumput.

Sampah dicampak ke dalam tong sampah dengan cermatnya.

Udara di Tasik Biru bersih dan sihat. Sejuk mata memandang air tasiknya yang keruh dan tidak tercemar. Malah, pokok-pokok di sekeliling tasik ini tumbuh menghijau dan segar.

Elis dan ibunya berasa rimas. Walaupun taman ini dikunjungi ramai, tetapi kesegarannya tetap dipelihara.